

PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) 2016 - 2020



INSIDE FRONT COVER

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan Peguam Negara

4

Pendahuluan

5

Isu dan Cabaran

14

Hala Tuju Strategik

18

Strategi dan Rumusan Tindakan

20

Pelaksanaan ke Arah Kejayaan

36

Penutup

38

KATA ALU-ALUAN PEGUAM NEGARA



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya dapat kita menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Peguam Negara (AGC) 2016 - 2020.

Pelan Strategik ini menggariskan tiga teras utama yang mengandungi dua belas strategi dan dua puluh tiga program untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. AGC berhasrat untuk menjadi sebuah Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia menjelang akhir 2020 dan memberi khidmat terbaik demi kepentingan negara.

Sebagai sebuah organisasi perundangan, AGC hendaklah bersifat dinamik bagi menghadapi pelbagai cabaran baharu. Dalam hal ini, setiap tindakan hendaklah ke arah mencapai Misi AGC, iaitu "Mendukung Perlembagaan dan Undang-Undang bagi Melindungi Kepentingan Negara melalui Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti Tinggi, Cekap, Adil dan Saksama serta Pendakwaan yang Bebas". Saya juga berharap agar AGC dapat melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan gigih dan cemerlang dan pada masa yang sama menjadi sebuah organisasi yang disegani di Malaysia dan juga pada peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi semua pihak untuk menyediakan Pelan Strategik ini. Semoga apa jua yang kita usahakan pada hari ini akan membuahkan hasil yang baik pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Ali
Peguam Negara

PENDAHULUAN

Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik AGC 2016 - 2020 dirangka bagi memenuhi Visi AGC, iaitu untuk menjadi Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia. Bagi mencapai Visi ini, AGC telah menetapkan Misi AGC, iaitu Mendukung Perlembagaan dan Undang-Undang bagi Melindungi Kepentingan Negara melalui Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti Tinggi, Cekap, Adil dan Saksama serta Pendakwaan yang Bebas.

Penentuan hala tuju AGC ini diselaraskan dengan dasar-dasar awam dan Misi Nasional Negara meliputi Pelan Transformasi Kerajaan, Pelan Transformasi Ekonomi, Dasar 1Malaysia serta Rancangan Malaysia Ke-11.

Bagi memberikan gambaran berhubung dengan organisasi AGC, Pelan Strategik ini turut mengandungi latar belakang agensi, struktur organisasi, fungsi dan punca kuasa Jabatan.

Bagi menjayakan perancangan strategik AGC, sebanyak tiga Teras Strategik telah digariskan untuk dicapai dalam tempoh lima tahun seperti yang berikut:

1. Mendukung Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang bagi Memberikan Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti;
2. Memperkasakan Pentadbiran Keadilan dari Aspek Pendakwaan dan Litigasi Sivil; dan
3. Memantapkan Pengurusan Modal Insan dan Bakat untuk Merealisasikan Kecemerlangan Jabatan.

Pengenalan

Tempoh lima tahun 2016 hingga 2020 adalah merupakan fasa terakhir sebelum Malaysia mencapai taraf sebagai negara maju yang digariskan oleh Wawasan 2020. Selaku badan perundangan utama Negara, AGC merupakan salah satu agensi yang memainkan peranan penting ke arah pencapaian matlamat wawasan tersebut. Pelan Strategik AGC 2016-2020 ini digubal selaras dengan Visi AGC untuk menjadi Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia dan Misi AGC, iaitu Mendukung Perlembagaan dan Undang-Undang bagi Melindungi Kepentingan Negara melalui Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti Tinggi, Cekap, Adil dan Saksama serta Pendakwaan yang Bebas.

Berlandaskan Dasar-Dasar Utama Negara, iaitu Pelan Transformasi Kerajaan, Pelan Transformasi Ekonomi, Dasar 1Malaysia serta Rancangan Malaysia Ke-11, penyediaan Pelan Strategik ini turut dirumuskan daripada Teras-Teras Strategik AGC yang telah dikenal pasti selari dengan isu serta cabaran semasa. Pelan Strategik ini adalah penting sebagai panduan kepada seluruh warga AGC bagi memastikan agenda transformasi AGC terlaksana seperti yang telah digariskan.



Mesyuarat Pengurusan Tertinggi AGC

Latar Belakang AGC

Semasa pembentukan *Malayan Union* pada tahun 1946, Peguam Negara bagi *Malayan Union* telah dilantik untuk mengambil alih autoriti *Chief Legal Officer* kepada Pentadbiran Tentera British Malaya yang sebelum itu telah mengambil alih pentadbiran tentera Jepun di Malaya selepas Kerajaan Jepun menyerah kalah. Autoriti *Legal Officer* juga telah dipindahkan kepada Peguam Negara manakala autoriti *Deputy Legal Officer* dipindahkan kepada *Crown Counsel* (kemudiannya dikenali sebagai *Federal Counsel*). Pemindahan kuasa ini jelas diperuntukkan di bawah *Transfer of Powers and Interpretation Ordinance, 1946* [No. 2 of 1946].

Pada ketika itu, AGC dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang dan Peguam Negara merupakan Ketua Jabatan Undang-Undang tersebut. Jabatan Undang-Undang ini berada di bawah Pesuruhjaya Tinggi British yang dikenali sebagai *Federal Secretariat* dan terletak di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Peguam Negara telah dibenarkan untuk melantik timbalan beliau iaitu Peguam Cara Negara dan seberapa ramai pegawai undang-undang yang diperlukan untuk membantu beliau menjalankan tugasnya. Penasihat Undang-Undang bagi Kerajaan Negeri dilantik dari kalangan pegawai undang-undang ini oleh Peguam Negara.

Pada tahun 1951, AGC masih lagi dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang dan kadangkala dirujuk sebagai Jabatan Peguam Negara (*Attorney General's Department*).

Semenjak kemerdekaan sehingga tahun 1980, AGC telah beralih ke beberapa Kementerian/ Jabatan seperti yang berikut:

- 1957 : Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan
- 1959 : Kementerian Keadilan
- 1964 : Kementerian Dalam Negeri dan Keadilan
- 1974 : Kementerian Undang-Undang dan Peguam Negara
- 1980 : Jabatan Perdana Menteri.

Punca Kuasa

Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan merupakan punca kuasa utama Peguam Negara. Fasal (2) Perkara 145 memperuntukkan bahawa Peguam Negara mempunyai kewajipan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang. Kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan menjadikan Peguam Negara penasihat utama kepada Kerajaan Malaysia.

Fasal yang sama juga meletakkan kewajipan ke atas Peguam Negara untuk melaksanakan apa-apa tugas yang bersifat undang-undang ke atas Peguam Negara yang dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri.

Fasal (3) Perkara 145 pula memberi kuasa kepada Peguam Negara, mengikut budi bicara beliau, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding jenayah di mana-mana mahkamah, kecuali di mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera. Dalam menjalankan kuasa ini, Peguam Negara bertindak sebagai Pendakwa Raya.

Melalui punca kuasa yang diberikan oleh Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara menjalankan fungsi memberikan pandangan undang-undang kepada Kerajaan Malaysia, menggubal undang-undang persekutuan, menjalankan pendakwaan dalam kes-kes jenayah serta mewakili Kerajaan Malaysia dalam mana-mana guaman sivil di mana Kerajaan Malaysia membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya.

Dalam menjalankan tugasnya, Peguam Negara dibantu oleh Peguam Cara Negara. Dalam hal ini, Peguam Cara Negara boleh melaksanakan mana-mana kewajipan dan menjalankan mana-mana kuasa Peguam Negara. Ini adalah diperuntukkan di bawah seksyen 40A kepada Jadual Kesebelas Perlembagaan Persekutuan. Selanjutnya, di bawah subseksyen 376(2) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] Peguam Cara Negara juga mempunyai semua kuasa sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan akan bertindak sebagai Pendakwa Raya dalam ketiadaan atau ketidakupayaan Peguam Negara untuk bertindak.

Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

"145. (1) *Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang yang berkelayakan menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.*

- (2) Menjadi kewajipan Peguam Negara untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan melaksanakan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- (3) Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.
- (3A) Undang-Undang Persekutuan boleh memberi Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah yang di dalamnya atau tempat apa-apa prosiding yang dia mempunyai kuasa untuk memulakannya di bawah Fasal (3) hendak dimulakan atau prosiding itu hendak dipindahkan.
- (4) Dalam melaksanakan tugasnya Peguam Negara berhak untuk didengar di dalam mana-mana mahkamah atau tribunal di Persekutuan dan hendaklah diberi keutamaan daripada mana-mana orang lain yang hadir di mahkamah atau tribunal itu.
- (5) Tertakluk kepada Fasal (6), Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan, melainkan jika dia ialah anggota Jemaah Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.
- (6) Orang yang memegang jawatan Peguam Negara sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perkara ini hendaklah terus memegang jawatan itu atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai baginya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perkara ini dan tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan".

Fungsi AGC

Fungsi teras AGC terbahagi kepada tujuh bidang bagi memenuhi aspek undang-undang yang sentiasa berubah dan untuk menghadapi cabaran baharu. Tujuh fungsi teras undang-undang AGC dan dua fungsi sokongan daripada Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Pengurusan adalah seperti yang berikut:

BAHAGIAN	FUNGSI
Guaman	Menasihati dan mewakili Kerajaan Persekutuan dalam kes-kes sivil.
Gubalan	Menggubal undang-undang yang teratur dan menepati dasar Kerajaan Persekutuan dan menyediakan Rang Undang-Undang untuk dibentangkan di Parlimen serta menyiarkan undang-undang dalam portal e-Warta Persekutuan, di samping menterjemah dokumen undang-undang.
Hal Ehwal Antarabangsa	Melindungi dan memelihara hak dan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa, memberikan nasihat undang-undang kepada Kerajaan Malaysia menurut prinsip undang-undang antarabangsa, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang domestik, dasar-dasar negara dan kepentingan awam serta bertanggungjawab untuk memastikan obligasi antarabangsa Negara dilaksanakan sepenuhnya.
Penasihat	Menasihati Kerajaan Persekutuan tentang semua perkara yang berkaitan dengan undang-undang domestik.
Pendakwaan	Mengendalikan pendakwaan dan memberikan nasihat serta arahan pendakwaan kepada semua agensi yang menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.

BAHAGIAN	FUNGSI
Penyelidikan	Melaksanakan penyelidikan undang-undang dan sejarah yang komprehensif, bersistematik dan berkesan bagi menghasilkan kajian dan pandangan undang-undang yang tepat, berkualiti dan komprehensif.
Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang	Menyemak dan mencetak semula undang-undang Malaysia, melaksanakan pembaharuan undang-undang dalam perkara tertentu yang dikenal pasti, memperluas dan mengubah suai undang-undang persekutuan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, dan menterjemah undang-undang pra-1967 daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa kebangsaan.
Perbicaraan dan Rayuan	Melindungi kepentingan awam dengan menyampaikan khidmat kepeguaman yang tertinggi standardnya apabila menjalankan perbicaraan kes-kes jenayah yang berprofil tinggi dan berkepentingan awam di Mahkamah, dan rayuan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.
Pengurusan	Memberikan perkhidmatan pengurusan bagi pembangunan sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat, pentadbiran dan pusat sumber.

Pihak Berkepentingan dan Pelanggan

1. Yang di-Pertuan Agong
2. Majlis Raja-Raja
3. Jemaah Menteri
4. Kementerian / Jabatan / Agensi Persekutuan

Struktur Organisasi

Carta Organisasi Jabatan Peguam Negara



*Terkini setakat 31 Mei 2016



Certificate of Legal Practice



Peguam Negara bersama Media



Majlis Perasmian dan Ucaptama



SEVENTH EVENT OF THE ATTORNEY-GENERAL'S CHAMBERS
OF
BRUNEI DARUSSALAM, MALAYSIA AND SINGAPORE

29 - 30 SEPTEMBER 2015
SINGAPORE



Seventh Event of the Attorney-General's Chambers

ISU DAN CABARAN

Dalam memacu AGC ke arah mencapai visi dan misinya, Jabatan ini menghadapi beberapa isu dan cabaran strategik masa kini seperti yang berikut:

Isu perundangan yang semakin kompleks

Berikutan perkembangan pesat di peringkat domestik serta antarabangsa, AGC perlu menangani isu-isu perundangan yang semakin kompleks dan rumit sama ada dalam perkara-perkara yang dirujuk untuk pandangan undang-undang AGC, penggubalan undang-undang atau pun dalam kes-kes jenayah atau sivil yang dikendalikan. Penglibatan Malaysia secara aktif di arena antarabangsa melalui penyertaan dalam pelbagai konvensyen dan triti antarabangsa, perkembangan politik di tanah air serta transisi masyarakat yang lebih prihatin terhadap hak mereka di sisi undang-undang merupakan antara faktor penyebab kepada fenomena ini.

Justeru, Pelan Strategik ini akan menumpukan perhatian kepada penyampaian perkhidmatan perundangan yang lebih efisien dan yang dapat menangani isu-isu kompleks yang dirujuk kepada AGC. Program-program dirangka dengan objektif untuk memberikan perkhidmatan perundangan yang cekap, tepat dan komprehensif berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang relevan serta memenuhi obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa.

Memastikan undang-undang persekutuan relevan, terkini dan selari dengan keperluan semasa

Dalam usaha mencapai Dasar Transformasi Nasional, Kerajaan telah memperkenalkan program-program yang berimpak tinggi dan mampan seperti Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Politik, Program Transformasi Ekonomi dan lain-lain. Antara lainnya, pelaksanaan dasar dan program tersebut haruslah diiringi dengan pewujudan undang-undang yang relevan, terkini dan relevan dengan keperluan semasa.

Dalam hal ini, proses dan tatacara kerja yang sedia ada akan dikaji semula dan ditambah baik untuk memastikan undang-undang yang digubal adalah tepat dan menepati kehendak pembuat dasar serta memenuhi obligasi antarabangsa. Undang-undang yang sedia ada turut akan disemak semula dan dikemas kini seiring dengan perkembangan semasa manakala undang-undang yang lapuk dimansuhkan.

Mengukuhkan kepercayaan dan persepsi awam

Tidak dapat dinafikan bahawa kepesatan dalam pembangunan teknologi media massa dan media sosial masa kini mampu mencorakkan pemikiran dan kepercayaan masyarakat dalam sesuatu perkara. Dalam konteks ini, kadangkala pelaporan yang kurang tepat oleh media massa menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap AGC dan Kerajaan, khususnya berkenaan dengan isu-isu perundangan dan kes-kes yang dikendalikan.

Oleh itu, langkah-langkah dan program yang sesuai telah dirancang bagi membangunkan suatu sistem pelaporan yang bersepadu serta mengadakan tatacara pengendalian aduan, maklum balas dan pertanyaan berkenaan isu undang-undang serta fungsi litigasi yang dikendalikan oleh AGC. Langkah-langkah ini diharapkan dapat memastikan orang awam disalurkan maklumat yang tepat bagi mengelakkan persepsi yang negatif terhadap Jabatan dan Kerajaan secara amnya.

Mengukuhkan sumber modal insan

Bagi mencapai Visi AGC untuk menjadi organisasi perundangan awam bertaraf dunia, salah satu faktor yang perlu wujud adalah sumber modal insan yang cekap, berpengalaman dan kompeten. Salah satu kekuatan organisasi ini yang dikenal pasti adalah kemahiran yang dimiliki para pegawainya yang berupaya menyumbang kepada kecemerlangan Jabatan. Namun, kebelakangan ini berlakunya '*brain drain*' dalam kalangan pegawai yang mahir dan terlatih, khususnya dalam bidang litigasi, ke sektor swasta yang menawarkan pendapatan yang lebih lumayan. Selain daripada itu, penempatan para pegawai mengikut kemahiran dan kepakaran masing-masing turut menjadi cabaran.

Bagi menangani cabaran ini, dalam tempoh pelaksanaan Pelan Strategik ini, AGC akan melaksanakan program berimpak tinggi berkaitan dengan bidang pengkhususan pegawai yang bertujuan untuk membentuk suatu kumpulan pegawai yang berkepakaran, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang khusus. Pewujudan persekitaran kerja yang kondusif serta pemeliharaan kebajikan para pegawai juga akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Dalam konteks ini juga, pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian bagi pegawai undang-undang turut akan dibangunkan bagi memenuhi keperluan AGC serta memberikan insentif kepada para pegawai untuk terus kekal dalam perkhidmatan ini. Selain daripada itu, program pengukuhan sahsiah dan integriti yang menyeluruh dan sistematik akan diperkenalkan bagi mempertingkatkan integriti dalam kalangan pegawai organisasi ini.

Mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

Pada masa ini, AGC merupakan antara agensi kerajaan yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara meluas dalam melaksanakan tugas seharian. Pelbagai pangkalan data dan sistem aplikasi telah dibangunkan bagi memudahkan urusan kerja para pegawai undang-undang. Namun, pangkalan data yang dibangunkan tersebut kesemuanya beroperasi secara berasingan dan tidak bersepadu.

Bagi menangani cabaran ini, infrastruktur ICT yang sedia ada akan dimantapkan bagi mempertingkatkan penggunaannya dalam segala urusan. Program yang dirancang adalah bagi membangunkan sistem baharu yang relevan serta memperkemas dan mengintegrasikan pangkalan data dan rujukan secara dalam talian yang sedia ada bagi memastikan pengurusan maklumat yang lebih sistematik.



Hari Inovasi AGC



Program Galakan Membaca



Majlis Kunjungan Hormat

HALA TUJU STRATEGIK

Visi dan Misi

VISI

Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia

MISI

Mendukung Perlembagaan dan Undang-Undang bagi Melindungi Kepentingan Negara melalui Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti Tinggi, Cepak, Adil dan Saksama serta Pendakwaan yang Bebas

Logo



Secara amnya, logo AGC menggambarkan neraca yang seimbang, melambangkan tugas-tugas dan tanggungjawab Jabatan Peguam Negara yang dijalankan dengan cepak, adil dan saksama. Neraca tersebut dipangku oleh bentuk seakan manusia yang melambangkan setiap kakitangan Jabatan yang diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab masing-masing dengan amanah, telus dan efisien.

Bentuk bulat mencerminkan AGC sebagai sebuah organisasi yang mantap, kukuh dan berupaya menghadapi apa-apa cabaran dalam menjalankan tugas-tugasnya. Neraca tersebut bersandarkan lima garisan di bawahnya yang melambangkan bagaimana Jabatan menjalankan tugas-tugasnya berlandaskan lima prinsip Rukun Negara.

Warna biru yang digunakan menandakan perpaduan erat dalam kalangan warga AGC manakala warna putih pula melambangkan ketelusan dan keikhlasan dalam memberi perkhidmatan kepada semua pelanggannya.

Nilai Bersama

Iltizam dan aspirasi AGC adalah untuk menjadi sebuah organisasi perundangan awam bertaraf dunia yang menjadi kebanggaan Malaysia. Nilai bersama yang perlu dikongsi oleh semua warga AGC adalah penting untuk membina sebuah organisasi yang berdaya tahan dan bersepadu bagi memastikan kejayaan sistem penyampaian.

Nilai bersama dibuat berdasarkan piagam Rukun Negara yang tersimpul dalam budaya kerja AGC. Nilai tersebut menyerlahkan kemahiran, sikap dan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi setiap warga AGC untuk melaksanakan tugas masing-masing.

Nilai bersama menunjukkan kemampuan warga AGC untuk menggalas kepercayaan masyarakat bagi menjunjung kedaulatan undang-undang. AGC komited dengan nilai yang berikut:

Amanah

Sifat amanah, jujur, bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti yang perlu ada pada setiap pegawai AGC semasa menjalankan tugas.

Gigih

Semua tugas dan tanggungjawab yang digalas oleh pegawai AGC perlu dilaksanakan dengan gigih, bersungguh-sungguh dan penuh komitmen demi kepentingan AGC dan Negara.

Cemerlang

Gabungan faktor dalaman "Amanah" dan faktor luaran "Gigih" akan membuahkan hasil yang cemerlang.

STRATEGI DAN RUMUSAN TINDAKAN

TERAS 1

Mendukung Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang bagi Memberikan Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti

Tanggungjawab mendukung keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang merupakan satu tanggungjawab besar dan berterusan. Dalam hal ini, AGC telah merangka strategi untuk melaksanakan tanggungjawab besar ini melalui pemberian nasihat undang-undang yang tepat dan komprehensif dan penggubalan undang-undang yang tepat dan menepati dasar.

Antara tumpuan yang perlu diberi perhatian adalah usaha memantapkan penyampaian perkhidmatan perundangan yang berkualiti. Penambahbaikan proses dan tatacara kerja, pensijilan pengurusan kualiti berdasarkan piawaian penarafan yang diiktiraf dan akses kepada maklumat perundangan secara dalam talian melalui portal yang dibangunkan sendiri oleh AGC merupakan usaha ke arah pemantapan penyampaian perkhidmatan perundangan yang berkualiti.

TERAS 1

MENDUKUNG KELUHURAN PERLEMBAGAAN DAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG BAGI MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PERUNDANGAN YANG BERKUALITI

STRATEGI 1

Memberikan nasihat undang-undang yang tepat dan komprehensif

STRATEGI 2

Menggubal undang-undang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan serta menepati kehendak pembuat dasar dan memenuhi obligasi antarabangsa

STRATEGI 3

Memastikan semua undang-undang Malaysia terkini, tepat dan selari dengan keperluan semasa

TERAS 1

STRATEGI 1	OBJEKTIF STRATEGI
Memberikan nasihat undang-undang yang tepat dan komprehensif	Nasihat undang-undang yang diberikan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang serta memenuhi obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa

STRATEGI 1

Program	Program 1: Menyemak bagi maksud menambah baik proses dan tatacara kerja	Program 2: Mendapatkan pensijilan pengurusan kualiti perkhidmatan nasihat undang-undang berdasarkan piawaian penarafan yang diiktiraf dan menambah baik dari semasa ke semasa
Indikator Sasaran	Bilangan proses dan tatacara kerja yang disemak	Sistem penarafan dibangunkan
Sasaran	1 semakan proses dan tatacara kerja setiap dua tahun	1 sistem
Tempoh Sasaran	2016 - 2020	2019 - 2020
Bahagian Bertanggungjawab	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Guaman 2. Bahagian Gubalan 3. Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa 4. Bahagian Penasihat 5. Bahagian Pendakwaan 6. Bahagian Penyelidikan 7. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang 8. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan 	Bahagian Penasihat

TERAS 1

STRATEGI 2

Menggubal undang-undang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan serta menepati kehendak pembuat dasar dan memenuhi obligasi antarabangsa

OBJEKTIF STRATEGI

Perundangan yang disediakan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan serta menepati kehendak pembuat dasar dan memenuhi obligasi antarabangsa

STRATEGI 2

Program	Program 1: Menyemak bagi maksud menambah baik proses dan tataraca kerja	Program 2: Menyediakan akses kepada maklumat perundangan melalui e-Warta Persekutuan dan Siri Undang-Undang Malaysia (LOM)
Indikator Sasaran	Bilangan proses dan tataraca kerja yang disemak	Bilangan maklumat perundangan yang boleh diakses
Sasaran	1 semakan proses dan tataraca kerja setiap dua tahun	1 sistem
Tempoh Sasaran	2016 - 2020	2019 - 2020
Bahagian Bertanggungjawab	Bahagian Gubalan	1. Bahagian Gubalan 2. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang 3. Bahagian Pengurusan (Seksyen Teknologi Maklumat)
Bahagian Lain Yang Terlibat	1. Bahagian Guaman 2. Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa 3. Bahagian Penasihat 4. Bahagian Pendakwaan 5. Bahagian Penyelidikan 6. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang 7. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan	-

TERAS 1

STRATEGI 3

Memastikan semua undang-undang Malaysia terkini, tepat dan selari dengan keperluan semasa

OBJEKTIF STRATEGI

1. Semakan dan cetakan semula undang-undang di bawah Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 7] serta terjemahan dan pemerluasan undang-undang yang relevan
2. Semakan dan cetakan semula undang-undang yang boleh diakses melalui Siri Undang-Undang Malaysia (LOM) dengan segera

STRATEGI 3

Program	Program 1: Menyemak bagi maksud menambah baik proses dan tatacara kerja	Program 2: Mengemas kini undang-undang
Indikator Sasaran	Bilangan proses dan tatacara kerja yang disemak	Bilangan perundangan yang boleh diakses melalui Siri Undang-Undang Malaysia (LOM)
Sasaran	1 semakan proses dan tatacara kerja setiap dua tahun	Perundangan utama yang pindaannya dikuatkuasakan pada tahun semasa
Tempoh Sasaran	2016 - 2020	2016 - 2020
Bahagian Bertanggungjawab	Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang	Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang

TERAS 2

Memperkasakan Pentadbiran Keadilan dari Aspek Pendakwaan dan Litigasi Sivil

Bagi memperkasakan sistem pentadbiran keadilan dari sudut pendakwaan dan litigasi sivil, dua strategi telah diperkenalkan.

Strategi pertama ialah pemerkasaan penyampaian perkhidmatan pentadbiran keadilan dari aspek pendakwaan dan litigasi sivil. Antara objektif utamanya adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan pentadbiran keadilan berteraskan integriti dan profesionalisme yang berlandaskan undang-undang.

Strategi kedua ialah pemantapan pengendalian litigasi dengan pantas, berhemah, adil dan mengikut lunas undang-undang serta keadilan asasi dengan mengambil kira kepentingan awam dan Negara.

Jalinan kerjasama antara semua Bahagian di AGC akan digunakan secara optimum bagi memastikan kedua-dua strategi teras ini tercapai dengan jayanya.

TERAS 2

MEMPERKASA PENTADBIRAN KEADILAN DARI ASPEK PENDAKWAAN DAN LITIGASI SIVIL

STRATEGI 1	Memperkasakan penyampaian perkhidmatan pentadbiran keadilan dari aspek pendakwaan dan litigasi sivil
STRATEGI 2	Memantapkan pengendalian litigasi dengan pantas, berhemah, adil dan mengikut lunas undang-undang serta keadilan asasi supaya mengambil kira kepentingan awam dan Negara

TERAS 2

STRATEGI 1	OBJEKTIF STRATEGI
Memperkasakan penyampaian perkhidmatan pentadbiran keadilan dari aspek pendakwaan dan litigasi sivil	<ol style="list-style-type: none">1. Memastikan penyampaian perkhidmatan pentadbiran keadilan berteraskan integriti dan profesionalisme yang berlandaskan undang-undang2. Memastikan semua kertas siasatan, kertas kuasa dan dokumen rayuan dikendalikan dengan cepat dan berkualiti

3. Memastikan semua maklum balas disampaikan dengan cepat dan telus kepada pihak berkepentingan
4. Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dalam pentadbiran keadilan

STRATEGI 1

Program	Program 1: Mengadakan garis panduan, arahan pendakwaan, arahan guaman dan Nota Taklimat	Program 2: Mendapatkan pensijilan pengurusan kualiti perkhidmatan litigasi berdasarkan piawaian penarafan yang diiktiraf dan menambah baik dari semasa ke semasa
Indikator Sasaran	Garis panduan, arahan pendakwaan, arahan guaman atau Nota Taklimat	Sistem penarafan dibangunkan
Sasaran	1 garis panduan, arahan pendakwaan, arahan guaman atau Nota Taklimat, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi setiap Bahagian setiap tahun	1 sistem
Tempoh Sasaran	2016 - 2020	Pensijilan - 2018 Penambahbaikan - berterusan
Bahagian Bertanggungjawab	1. Bahagian Guaman 2. Bahagian Pendakwaan 3. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan	1. Bahagian Guaman 2. Bahagian Pendakwaan

TERAS 2

STRATEGI 2

Memantapkan pengendalian litigasi dengan pantas, berhemah, adil dan mengikut lunas undang-undang serta keadilan asasi dengan mengambil kira kepentingan awam dan Negara

OBJEKTIF STRATEGI

1. Memastikan pengendalian litigasi yang pantas, berhemah, adil dan mengikut lunas undang-undang serta keadilan asasi dengan mengambil kira kepentingan awam dan Negara
2. Memastikan orang awam memperoleh maklumat yang tepat bagi mengelakkan persepsi yang negatif

STRATEGI 2

Program	Program 1: Mengadakan tatacara pengendalian aduan, representasi, penyelesaian luar mahkamah, maklum balas dan pertanyaan yang berkaitan dengan litigasi	Program 2: Membangunkan sistem pelaporan kes yang bersepadu
Indikator Sasaran	Tatacara pengendalian aduan, representasi, penyelesaian kes di luar mahkamah, maklum balas dan pertanyaan	Sistem pelaporan kes bersepadu dibangunkan
Sasaran	1 tatacara	1 sistem pelaporan kes
Tempoh Sasaran	2017	2018
Bahagian Bertanggungjawab	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Guaman 2. Bahagian Pendakwaan 3. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan 4. Sekretariat Peguam Negara 5. Unit Perhubungan Awam AGC 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Guaman 2. Bahagian Pendakwaan 3. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan 4. Bahagian Pengurusan (Seksyen Teknologi Maklumat)

TERAS 3

Memantapkan Pengurusan Modal Insan dan Bakat untuk Merealisasikan Kecemerlangan Jabatan

Pengurusan modal insan dan bakat adalah tunjang untuk melahirkan dan memantapkan sebuah organisasi yang kukuh, dinamik dan cemerlang. Antara strategi yang ditetapkan adalah seperti yang berikut:

- Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif;
- Membangunkan pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian;
- Melahirkan pakar dalam pelbagai bidang undang-undang;
- Memantapkan pengurusan integriti pegawai; dan
- Merancang program pembelajaran berterusan yang sistematik dan komprehensif.

Strategi ini bertujuan untuk memantapkan kompetensi dan kewibawaan pegawai demi menegakkan keadilan berpaksikan Perlembagaan Persekutuan.

TERAS 3

MEMANTAPKAN PENGURUSAN MODAL INSAN DAN BAKAT UNTUK MEREALISASIKAN KECEMERLANGAN JABATAN

STRATEGI 1	Melaksanakan <i>right-sizing</i> mengikut keperluan AGC
STRATEGI 2	Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif
STRATEGI 3	Membangunkan pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian
STRATEGI 4	Melahirkan pakar dalam pelbagai bidang undang-undang
STRATEGI 5	Memantapkan pengurusan integriti pegawai
STRATEGI 6	Mempertingkatkan kapasiti sistem teknologi maklumat
STRATEGI 7	Merancang program pembelajaran berterusan yang sistematik dan komprehensif

TERAS 3

STRATEGI 1

OBJEKTIF STRATEGI

Melaksanakan *right-sizing* mengikut keperluan AGC

Mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan prasarana AGC

STRATEGI 1

Program	Program 1: Memantapkan organisasi dan fungsi Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Pegawai Undang-Undang	Program 2: Mengadakan kajian penanda aras
Indikator Sasaran	Penambahan pegawai dan peluasan fungsi Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Pegawai Undang-Undang	1 negara Komanwel 1 negara ASEAN
Sasaran	1 kertas cadangan penambahbaikan Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Pegawai Undang-Undang disediakan	1 laporan kajian perbandingan
Tempoh Sasaran	2016 - 2017	2017
Bahagian Bertanggungjawab	Bahagian Pengurusan	Bahagian Pengurusan

TERAS 3

STRATEGI 2

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif

OBJEKTIF STRATEGI

1. Meningkatkan prestasi kerja dan memelihara kebajikan pegawai
2. Memastikan pegawai memperoleh kemudahan yang sesuai

STRATEGI 2

Program

Program:

Mengoptimumkan penggunaan ruang serta kemudahan dan fasiliti pejabat

Indikator Sasaran

Peratus kepuasan pegawai berpuas hati melalui kaji selidik

Sasaran

80% pegawai berpuas hati

Tempoh Sasaran

Setiap dua tahun mulai 2017

Bahagian Bertanggungjawab

Bahagian Pengurusan

TERAS 3

STRATEGI 3

Membangunkan pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian

OBJEKTIF STRATEGI

Memastikan pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian bagi pegawai undang-undang (PUU) memenuhi keperluan AGC

STRATEGI 3

STRATEGI 3			
Program	Program 1: Mengadakan pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian	Program 2: Mengkaji semula pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian	Program 3: Melaksanakan pelan landasan kerjaya dan pelan penggantian
Indikator Sasaran	1. Kelulusan pelan landasan kerjaya 2. Kelulusan pelan penggantian	1. Kajian semula pelan landasan kerjaya 2. Kajian semula pelan penggantian	1. Memastikan semua maklumat Pegawai Undang- Undang sentiasa dikemas kini 2. Mengadakan rundingan dengan Pengurusan Tertinggi AGC dan Kehakiman
Sasaran	1 pelan landasan kerjaya 1 pelan penggantian	1 kajian semula pelan landasan kerjaya 1 kajian semula pelan penggantian	100% pengemaskinian maklumat 1 sesi rundingan setahun
Tempoh Sasaran	2016 - 2017	2018 - 2019	Pengemaskinian maklumat 2 minggu sebelum Pra Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) dan Mesyuarat SPKP 2016 - 2020
Bahagian Bertanggungjawab	Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Pegawai Undang-Undang	Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Pegawai Undang-Undang	Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Pegawai Undang-Undang

TERAS 3

STRATEGI 4

Melahirkan pakar dalam pelbagai bidang undang-undang

OBJEKTIF STRATEGI

Melahirkan pakar bidang khusus yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi

STRATEGI 4

Program

Program:

Merancang program berimpak tinggi berkaitan bidang pengkhususan pegawai

Indikator Sasaran

Program berimpak tinggi

Sasaran

1 program setahun

Tempoh Sasaran

2016 - 2020

Bahagian Bertanggungjawab

1. Bahagian Guaman
2. Bahagian Gubalan
3. Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
4. Bahagian Penasihat
5. Bahagian Pendakwaan
6. Bahagian Penyelidikan
7. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang
8. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan
9. Bahagian Pengurusan

TERAS 3

STRATEGI 5

Memantapkan pengurusan integriti pegawai

OBJEKTIF STRATEGI

Meningkatkan integriti dan sahsiah pegawai

STRATEGI 5

Program	Program 1: Mengkaji permasalahan integriti pegawai	Program 2: Merancang program pengukuhan sahsiah dan integriti pegawai	Program 3: Memantapkan Jawatankuasa Khas Integriti AGC
Indikator Sasaran	Kajian mengikut permasalahan integriti pegawai	Program pengukuhan sahsiah dan integriti pegawai	Penambahan pegawai dan peluasan fungsi Jawatankuasa Integriti
Sasaran	1 laporan setiap tahun yang dapat mengenal pasti punca permasalahan integriti pegawai	1 program setiap tahun	1 kertas cadangan penambahbaikan Jawatankuasa Khas Integriti AGC
Tempoh Sasaran	2016 - 2020	2016 - 2020	2016 - 2017
Bahagian Bertanggungjawab	Bahagian Pengurusan	Bahagian Pengurusan	1. Jawatankuasa Khas Integriti AGC 2. Bahagian Pengurusan



Chambers Open Office



Lawatan Panel Penilai Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan 2016

TERAS 3

STRATEGI 6

OBJEKTIF STRATEGI

Mempertingkatkan kapasiti sistem teknologi maklumat

Memantapkan infrastruktur ICT dan penggunaannya dalam segala urusan

STRATEGI 6

Program	Program 1: Mengemas kini serta mengintegrasikan pangkalan data dan rujukan secara dalam talian	Program 2: Memastikan pengurusan maklumat yang sistematik
Indikator Sasaran	Bilangan aktiviti pengemaskinian dan integrasi pangkalan data	Mengikut tahap pegawai yang diberikan akses
Sasaran	<ol style="list-style-type: none"> Mengemas kini setiap pangkalan data secara berterusan Mengadakan 1 pangkalan data yang bersepadu 	80% pegawai yang diberikan akses berpuas hati
Tempoh Sasaran	<ol style="list-style-type: none"> Mengemas kini pangkalan data – 2016 - 2020 Mengintegrasikan pangkalan data – 2020 	2016 - 2020
Bahagian Bertanggungjawab	<ol style="list-style-type: none"> Bahagian Guaman Bahagian Gubalan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa Bahagian Penasihat Bahagian Pendakwaan Bahagian Penyelidikan Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang Bahagian Perbicaraan dan Rayuan Bahagian Pengurusan 	<ol style="list-style-type: none"> Bahagian Guaman Bahagian Gubalan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa Bahagian Penasihat Bahagian Pendakwaan Bahagian Penyelidikan Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang Bahagian Perbicaraan dan Rayuan Bahagian Pengurusan

TERAS 3

STRATEGI 7

Merancang program pembelajaran berterusan yang sistematik dan komprehensif

OBJEKTIF STRATEGI

Memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai

STRATEGI 7

Program

Program:

Merancang program pembangunan kapasiti yang berterusan termasuk melalui usaha sama di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa

Indikator Sasaran

1. Program latihan
2. Penyertaan pegawai

Sasaran

1. 1 program latihan setahun
2. 7 hari berkursus setahun bagi setiap pegawai

Tempoh Sasaran

2016 - 2020

Bahagian Bertanggungjawab

1. Bahagian Guaman
2. Bahagian Gubalan
3. Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
4. Bahagian Penasihat
5. Bahagian Pendakwaan
6. Bahagian Penyelidikan
7. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang
8. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan
9. Bahagian Pengurusan



Penganjuran program berimpak tinggi di AGC



Salah satu program kolaborasi strategik antara AGC dan agensi luar



Pembentangan Rang Undang-Undang



Pemantapan Pendakwaan dan Litigasi Sivil



Perhimpunan Suku Tahunan AGC



PELAKSANAAN KE ARAH KEJAYAAN

Mekanisme Pelaksanaan

Pelan Strategik AGC 2016 - 2020 ini adalah merupakan pelan lima tahun yang akan membawa perkembangan AGC ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan Pelan Strategik ini dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan, strategi dan pelan tindakan akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut perancangan seperti Jadual di bawah:

BIL.	PERKARA	SARANAN
1	Pelaporan Pelaksanaan Program oleh Pegawai Penyelaras Bahagian	Setiap enam bulan
2	Semakan dan Penilaian Laporan Pelaksanaan Peringkat Ketua Teras (Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik)	Sekali setahun - Januari
3	Pembentangan Laporan Pelaksanaan dan Penilaian dalam Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik oleh Setiap Ketua Teras (dipengerusikan oleh Peguam Negara)	Sekali setahun - Februari
4	Kajian Semula, Penilaian dan Penambahbaikan Pelan Keseluruhan	Tahun 2018

Elemen Penentu Kejayaan

1. Kepimpinan yang Berwawasan
2. Modal Insan yang Profesional
3. Budaya Kerja Berprestasi Tinggi
4. Mempertingkatkan Kapasiti Sistem Teknologi Maklumat

Langkah Ke Hadapan

Pelaksanaan Pelan Strategik AGC 2016 - 2020 akan menentukan hala tuju strategik AGC dapat dicapai berdasarkan komitmen semua pihak. Bersesuaian dengan visi, misi dan matlamat perancangan strategik yang ditetapkan, AGC berupaya untuk menjadi sebuah organisasi perundangan yang disegani.

Dalam memastikan kejayaan AGC, usaha memantapkan lagi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan perlu seiring dengan keperluan semasa. Melalui perancangan dan penambahbaikan program, warga AGC perlu menghayati peranan yang telah ditetapkan serta mengorak langkah untuk bersama-sama melonjakkan prestasi ke tahap yang lebih baik. Kerjasama serta persefahaman dengan pelbagai pihak yang berkepentingan perlu terus dipertingkatkan supaya fungsi AGC dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien.



Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik AGC

PENUTUP

Pelan Strategik AGC 2016 - 2020 telah menetapkan matlamat strategik melalui teras, strategi dan program yang akan berakhir pada tahun 2020. Perancangan yang teliti telah digariskan supaya strategi dan program yang dilaksanakan akhirnya menyumbang kepada wawasan serta misi nasional Kerajaan. Cabaran terkini yang dihadapi oleh AGC serta elemen penentu kejayaan ke atas pelan ini turut dikenal pasti bagi menghasilkan satu perancangan yang mampan dan dinamik serta kekal relevan dengan perubahan semasa. Selain itu, penambahbaikan berterusan ke atas mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian program turut diberi penekanan supaya sasaran program dapat dicapai dengan sempurna serta berkesan.

INSIDE BACK COVER



www.agc.gov.my

• **JABATAN PEGUAM NEGARA**

• No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4
• 62100 PUTRAJAYA